

P.U. (A) 373/2004

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993

PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN JADUAL 4)
2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 66(5) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan Jadual 4) 2004**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 4 November 2004.

Pindaan Jadual 4

2. Jadual 4 kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 11 perenggan yang berikut:

“12. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur atau sekuriti Islam yang dibuat oleh bank pembangunan pelbagai hala atau institusi kewangan pelbagai hala yang mempunyai penarafan kredit AAA, atau setaraf dengannya, yang diberi oleh agensi penarafan kredit.”.

Dibuat 3 November 2004

[S(8.02) 443/8-2; PN(PU²)523/III]

TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua